



"ISRAK DAN MIKRAJ : PERJALANAN AGUNG RASULULLAH SAW." 1

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:</p>	4
<p>Hadirin Jumat yang di rahmati Allah SWT,</p> <p>Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kehadiran Allah SWT, dengan menunaikan segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya, semoga kita beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Khutbah kali ini bertajuk "ISRAK DAN MIKRAJ : PERJALANAN AGUNG RASULULLAH SAW".</p>	6
<p>Muslimin yang berbahagia,</p> <p>Menjelang bulan Rajab, Peristiwa Israk dan Mikraj sering kita perkatakan pada setiap tahun. Ia adalah bukti kekuasaan dan kebesaran Allah SWT. Juga merupakan satu mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW. Menurut Ibnu Mas'ud Radhiallahu Anhu, perjalanan Israk Mikraj berlaku pada suatu malam setahun sebelum Baginda berhijrah ke Madinah.</p>	7

¹ al-Isra' : 1



<p>Peristiwa ini dirakamkan dalam surah al-Israk ayat pertama, sebagaimana dibaca pada awal khutbah ini bermaksud :</p> <p>“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”</p>	8
<p>Hadirin Jumaat sekalian,</p> <p>Dalam perjalanan Israk dan Mikraj, Allah SWT memperlihatkan kepada Rasulullah SAW, berbagai-bagai rahsia alam dunia dan alam akhirat. Firman Allah SWT dalam surah al-Najmu ayat 18,</p> <p style="text-align: center;"> لَقَدْ رَأَى مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَى</p> <p>“Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda-tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhannya.”</p>	9
<p>Dalam peristiwa itu, Rasulullah SAW bertemu dengan Allah SWT, lantas menerima perintah kewajipan menunaikan Solat. Ini menunjukkan bahawa solat seolah-olah agenda utama menjadi keperluan dalam hidup kita. Malah Allah SWT secara berulang-ulang memerintahkan kita mengerjakan solat dengan cara-cara yang tertentu dan memuji-muji orang yang mengerjakan solat itu melalui susunan ayat-ayat-Nya dalam surah al-Mukminun. Malah mengurniakan ganjaran yang istimewa kepada orang yang sentiasa menjaga solatnya iaitu Syurga Firdaus</p>	10



<p>sebagaimana firmanNya dalam surah al-Mukminun ayat 9-11 :</p> <p>وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾</p>	11
<p>“Dan mereka yang tetap memelihara solatnya, mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.”</p>	12
<p>Hadirin yang dimuliakan</p> <p>Menurut Syekh Abdul Halim Mahmud mantan Syekh Al-Azhar, terdapat beberapa kesan daripada Israk dan Mikraj Rasulullah SAW, antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Terpisahnya kaum yang lemah jiwa, yang diselubungi perasaan syak wasangka dan teragak-agak daripada kumpulan umat Islam yang sedang bangkit dan mantap iman mereka.2. Orang-orang Islam Mekah telah melepaskan jiwa mereka daripada segala bentuk tarikan kebendaan, dan telah menyingkirkan diri daripada runtunan hawa nafsu, semata-mata kerana Allah SWT.	13
<ol style="list-style-type: none">3. Orang-orang Islam Mekah semakin sabar dan tabah menghadapi insiden-insiden kekerasan, kezaliman dan siksaan daripada kaum Musyrikin Mekah dan menjadikan jiwa mereka lebih suci menerima takdir Allah SWT.4. Kepercayaan mereka terhadap Rasulullah SAW, semakin kukuh, menerima apa sahaja yang disampaikan oleh Baginda, hingga sanggup meninggalkan kampung halaman untuk berhijrah ke Madinah, berjihad menegakkan Syiar Islam, sehingga Islam sampai kepada kita hari ini.	14



<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT.</p> <p>Nikmat yang paling istimewa diterima Rasulullah SAW pada malam yang penuh barakah itu ialah Ibadat solat. Ibadat tersebut dapat menjalin perhubungan erat antara hamba dengan Penciptanya. Solat merupakan detik-detik munajat, dan penumpuan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Abu Ali al-Daqqaq Radhiallahu Anhu berkata; solat itu kedudukannya seumpama Mikraj. Ia merupakan perhubungan kita yang amat dekat dengan Allah SWT.</p>	15
<p>Lantaran itu maka sewajarnya solat itu bersifat sempurna, tersisih daripada alam kebendaan, tersisih daripada alam nafsu dan syahwat, tersisih daripada alam fitnah, agar kita yang melakukan solat itu, bertawajuh sepenuhnya kepada Allah SWT, sampai merasakan kelazatan dan kenikmatan yang dikecapi ketika mengadapnya. Pentingnya solat itu hinggan diangkat sebagai rukun Islam yang kedua, selepas mengucap dua kalimah syahadat.</p>	16
<p>Hadis daripada Umar bin Al-Khatab Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>الإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا</p>	17
<p>"Islam itu engkau bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya Muhammad itu utusan Allah, engkau mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan ibadah haji ke Baitullah jika engkau mampu melakukannya"</p> <p>(Riwayat Muslim)</p>	18



<p>Bahkan orang-orang yang enggan menunaikan solat dianggap tidak beragama. Menurut Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda;</p> <p style="text-align: center;">وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا صَلَاةَ لَهُ</p> <p>“ Dan tiada beragama bagi orang yang tidak menunaikan solat.</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Al-Tabrani)</p>	19
<p>Solat juga adalah ibadat yang pertama sekali disoal pada hari akhirat. Menurut Hadis daripada Abdullah bin Qarth Radhiallahu Anhu katanya: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p>“Perkara pertama yang dihisab pada sesorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya. Jika sempurna solatnya, maka sempurna segala amalannya. Jika rosak, maka rosaklah seluruh amalannya”.</p> <p>Hadirin yang berbahagia sekalian,</p>	20
<p>Bagi mengakhiri khutbah pada kali ini marilah kita menghayati saranan berikut agar dapat dijadikan pedoman dalam hidup kita.</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib meyakini bahawa peristiwa Israk dan Mikraj berlaku kepada Nabi Muhammad SAW dengan roh dan jasad.2. Umat Islam hendaklah istiqamah melaksanakan ibadat solat yang merupakan perintah Allah SWT melalui Israk dan Mikraj.3. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa Israk dan Mikraj adalah perkara ghaib yang tidak boleh dipertikai melalui akal manusia.	21



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>وَيَقُولُونَ لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ ^{صَلِّ} فَقُلْ إِنَّمَا الْغَيْبُ لِلَّهِ فَانْتَظِرُوا</p> <p>إِنِّي مَعَكُمْ مِنَ الْمُنْتَظِرِينَ ﴿٢٠﴾</p>	22
<p>"Dan mereka yang ingkar itu berkata: "Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) satu mukjizat dari Tuhannya? "Maka jawablah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya perkara yang ghaib itu tertentu bagi Allah; oleh itu tunggulah (hukuman Allah), sesungguhnya aku juga di antara orang-orang yang menunggu."</p> <p>(Surah Yunus: 20)</p>	23
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ</p> <p>الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	24
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،</p> <p>فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	25




KHUTBAH KEDUA

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا </p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>Marilah kita sama-sama berdoa agar seluruh negara kita senantiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19. Semoga ianya dapat dibanteras dengan berkesan dan diakhiri segera. Yakinlah di sebalik setiap kegelapan itu, pasti ada cahaya yang akan menerangi kehidupan.</p>	5
<p>Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera dan SElangkah serta lain-lain cara yang membolehkan kita mendapat suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	6



Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.	7
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	8
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	9
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،	10
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	11
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج	12
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	13



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	14
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	15
<p>اللَّهُمَّ يَا دافعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	16
	17
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٦﴾</p>	18
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ عَلَيْكُمْ لَكَبِيرٌ ۚ وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۖ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	19